Hukum Menyimpan Daging Korban Melebihi Tiga Hari: Antara Larangan dan Nasakh

Pendahuluan

Dalam syariat Islam, ibadah korban merupakan sunnah muakkadah yang dilakukan pada hari-hari tasyrik. Salah satu perbincangan fiqh yang muncul berkaitan ibadah ini ialah tentang hukum menyimpan daging korban lebih daripada tiga hari. Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan larangan, dan hadis lain yang menunjukkan kebolehan. Perbincangan ini termasuk dalam bab nasakh wa al-mansukh, iaitu perintah syarak yang dimansuhkan oleh perintah baharu.

Hadis-hadis Larangan Menyimpan Melebihi Tiga Hari

1. Hadis Ibn Umar (melalui Nafi‘, dari Laits, dari Ahmad bin Yunus, dari Ibrahim bin Syarik dan seterusnya): Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَأْكُلُ أَحَدُكُمْ مِنْ لَحْمِ أُضْحِيَتِهِ فَوْقَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ

"Janganlah salah seorang kamu memakan daging korbannya melebihi tiga hari."

(HR. Ahmad bin Yunus)[1]

2. Hadis Ummu ‘Aṭā’ (dari Abdullah bin Ibrahim, dari Ibn Ishaq dan seterusnya):

Menyebut bahawa az-Zubair berkata:

قَدْ نَهَى الْمُسْلِمِينَ أَنْ يَأْكُلُوا مِنْ لُحُومِ نُسُكِهِمْ فَوْقَ ثَلَاثٍ

[1] Hadis riwayat Muslim no 1970 di dalam kitab Shohihnya meriwayatkan makna yang senada dengannya.

"Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang kaum Muslimin memakan daging korban mereka lebih dari tiga hari."[2]

3. Hadis dari Ali bin Abi Talib (melalui Abu Ubaid, dari az-Zuhri):

Ali berkata di hari 'Eid:

لَا يَأْكُلْنَ أَحَدُكُمْ مِنْ نُسُكِهِ بَعْدَ ثَلَاثٍ

"Janganlah sesiapa di antara kalian memakan dari korban melebihi tiga hari."[3]

Sahabat Yang Meriwayatkan Hadis Larangan Penyimpanan Melebihi Tiga Hari

1. Ali bin Abi Talib

2. az-Zubair bin al-‘Awwam

3. Abdullah bin Waqid bin Umar[4]

Pandangan Jumhur Ulama Yang Mengharuskan

Namun begitu, jumhur sahabat, tabi‘in dan para ulama', mereka berpandangan bahawa larangan tersebut telah dimansukh, dan mereka berhujah dengan hadis-hadis lain yang menunjukkan kebolehan menyimpan daging korban lebih dari tiga hari.

Dalil-dalil yang Menunjukkan Nasakh (Pemansuhan Larangan)

1. Hadis Jabir bin Abdullah (diriwayatkan oleh Ibn Juraij, dari ‘Aṭā’):

[2] Takhrijul Musnad li Syu’aib no 1422 hadis ini dho’if
[3] Telah mentakhrij hadis ini oleh al-Imam al-Bukhori dan al-Imam an-Nasa’i di dalam Sunanul Kubra
[4] Al-I’tibar Fin Nasikh Wal Mansukh

كُنَّا لَا نَأْكُلُ مِنَ الْبُدْنِ إِلَّا ثَلَاثَ مِنًى، فَأَرْخَصَ لَنَا النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ: كُلُوا، وَتَزَوَّدُوا. قَالَ: فَأَكَلْنَا وَتَزَوَّدْنَا

"Kami tidak makan dari daging korban kecuali hanya sampai tiga hari di Mina, lalu Nabi SAW membenarkan kami dan berkata: 'Makanlah dan simpanlah.' Maka kami pun makan dan menyimpannya."[5]

2. Hadis Buraidah dari ayahnya:

Nabi SAW bersabda:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ لُحُومِ الْأَضَاحِي أَنْ لَا تَأْكُلُوا بَعْدَ ثَلَاثٍ، فَكُلُوا وَانْتَفِعُوا بِهَا فِي أَسْفَارِكُمْ

"Aku telah melarang kalian daripada memakan daging korban lebih dari tiga hari, sekarang maka makanlah dan manfaatkanlah dalam perjalanan kalian."[6]

3. Hadis Aisyah melalui ‘Amrah binti Abdurrahman bahawa Rasulullah -shallallahu ‘alaihi wasallam- bersabda:

إِنَّمَا نَهَيْتُكُمْ مِنْ أَجْلِ الدَّافَّةِ الَّتِي دَفَّتْ حَضْرَةَ الْأَضْحَى؛ فَكُلُوا، وَتُصَدَّقُوا، وَادَّخِرُوا

"Sesungguhnya aku melarang kalian hanya karena ada daffah (yakni orang-orang luar yang datang dalam jumlah besar) yang datang pada Hari Raya Korban, maka sekarang makanlah, sedekahkanlah, dan simpanlah."[7]

Imam al-Nawawi:

Beliau menyatakan secara jelas bahawa larangan tersebut telah dimansukh:

"والصحيح نسخ النهي مطلقاً، وأنه لم يبق تحريم ولا كراهة، فيباح اليوم الادخار فوق ثلاث ليال، والأكل إلى متى شاء".

[5] al-I’tibar Fin Nasikh Wal Mansukh pada Babun Nahyi ‘an Aklil Udhhiyyah Ba’da Tsalats
[6] Shohih Muslim no 1977
[7] Shohih Muslim no 1971

"Dan yang sahih (benar) ialah larangan itu telah dimansukh secara mutlak, dan tidak lagi ada pengharaman atau makruh, maka pada hari ini dibolehkan menyimpan (daging korban) melebihi tiga malam, dan memakannya selama mana yang dia kehendaki[8]".

Pendapat Mazhab Fiqh Mengenai Kebolehan Menyimpan Daging Korban

Setelah menelusuri dalil-dalil larangan dan juga nasakh terhadap larangan menyimpan daging korban melebihi tiga hari, para ulama daripada pelbagai mazhab telah mengemukakan pandangan masing-masing berkenaan hukum penyimpanan daging korban pada masa kini. Secara umumnya, kesemua mazhab utama dalam Islam sepakat bahawa hukum menyimpan daging korban melebihi tiga hari adalah harus, malah sebahagian menyarankan agar ia diagihkan dan disimpan mengikut keperluan. Berikut adalah perincian pandangan mereka:

1. Mazhab Hanafi

a. Al-Imam al-Kasani menjelaskan:

والأفضل أن يتصدق بالثلث ويتخذ الثلث ضيافة لأقاربه وأصدقائه ويدخر الثلث، لقوله تعالى: {فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ}.[9]

Dan yang afdhal ialah dia bersedekah dengan satu pertiga, menjadikan satu pertiga sebagai jamuan untuk keluarga dan sahabatnya, dan menyimpan satu pertiga, berdasarkan firman Allah: "Maka makanlah daripadanya dan berikanlah makan kepada orang yang tidak meminta dan orang yang meminta." (al-Hajj: 36)

b. Al-Imam al-Hashkafi juga membenarkan penyimpanan daging korban, beliau berkata:

[8] Syarh al-Nawawi ‘ala Muslim, 5/113
[9] Badai’us Shonai’

ويأكل من لحم الأضحية ويأكل غنياً ويدّخر.

Dia (orang yang berkorban) boleh makan daripada daging korban itu, sama ada dia orang kaya atau miskin, dan boleh menyimpannya[10].

2 .Mazhab Maliki

a. Imam Sahnun berkata:

قلتُ: أفرأيتَ إن ادَّخَرَ من لحم الأضاحي شيئًا أيامَ التشريق؟ قال: لا بأس بذلك.

Aku berkata: "Apa pandanganmu jika seseorang menyimpan daging korban pada hari-hari tasyrik?" Maka dijawab: "Tiada masalah padanya[11]".

3 .Mazhab Syafi'e

a. Imam an-Nawawi mengatakan:

ولا يُكره ادخار لحم الأضحية فوق ثلاث، بل يُستحب أن يأكل ويتصدق ويدخر.

Tidak makruh menyimpan daging korban lebih daripada tiga hari. Bahkan, disunatkan untuk makan sebahagiannya, bersedekah sebahagiannya, dan menyimpan sebahagiannya[12].

4 .Mazhab Hanbali

[10] Ad-Durrul Mukhtar
[11] Al-Mudawwanah al-Kubra
[12] Majmu' Syarh Muhazzab

a. al-Imam Ibn Qudamah mengatakan:

ولا بأس بأكله وادخاره وتفرقة لحم الأضحية، لما رُوي عن ابن عمر أنه كان لا يرى بها بأساً.

Tiada masalah untuk memakan, menyimpan, dan mengagihkan daging korban. Ini berdasarkan riwayat daripada Ibn ‘Umar bahawa beliau tidak melihatnya sebagai suatu yang bermasalah[13]"..

Kesimpulan

Larangan menyimpan daging korban melebihi tiga hari merupakan hukum sementara yang berlaku pada waktu tertentu, khususnya ketika ramai fakir miskin memerlukan makanan. Hikmah larangan itu ialah demi memberi ruang kepada golongan fakir untuk turut merasai kenikmatan ibadah korban secara adil.

Namun, berdasarkan riwayat-riwayat sahih yang datang kemudian, larangan tersebut telah dimansukh oleh Nabi SAW sendiri. Maka, hukum asal pada hari ini adalah harus menyimpan dan memanfaatkan daging korban lebih dari tiga hari, sebagaimana dinyatakan oleh jumhur ulama dari kalangan mazhab Hanafi, Maliki, Syafi‘i dan Hanbali.

Bahkan, sebahagian ulama dari kalangan mazhab Hanafi dan lain-lain menjelaskan bahawa menyimpan sebahagian daging korban untuk keluarga adalah lebih utama dalam keadaan tertentu, seperti jika seseorang itu mempunyai tanggungan atau berada dalam kesempitan.

Dengan itu, jelas bahawa menyimpan daging korban melebihi tiga hari bukan sahaja diharuskan, bahkan boleh menjadi lebih afdal jika bertujuan menjaga kebajikan ahli keluarga dan memperkukuh prinsip maslahat dalam Islam.

[13] Al-Mughni